

inspirad

Inspirasi . Radiologi

2016 / 2017

TEMERLOH



KATA PENGANTAR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam 1 Malaysia

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT di atas kelahiran edisi kedua buletin ini. Tahniah diucapkan kepada semua anggota redaksi di atas kejayaan menerbitkan buletin *inspirad* edisi kedua yang merangkumi pencapaian dan aktiviti bagi tahun 2016 dan 2017.

Buletin *inspirad* edisi kedua 2016/2017 ini, merupakan kesinambungan kejayaan edisi pertama tahun 2015. Maklumat, butiran dan gambar yang dimuatkan diharapkan sentiasa menjadi kenangan dan inspirasi untuk bekerja sebagai satu pasukan, seterusnya dapat terus memberikan perkhidmatan yang terbaik dan cemerlang bagi warga kerja jabatan khususnya dan semua pembaca secara umum.

Tahun 2016 dan 2017 telah menyaksikan satu perubahan baru kepada jabatan ini dan seluruh rakyat di kawasan Pahang Tengah dan Barat, apabila mesin *CT Scan* lama yang berusia hampir 12 tahun telah digantikan dengan mesin *CT Scan 32 slice* yang lebih canggih. Penggantian mesin *CT Scan* ini telah dapat meningkatkan mutu perkhidmatan dan terpamer sebagai peningkatan statistic kes dan juga jenis pemeriksaan yang lebih *complex* dapat dilakukan tanpa perlu lagi dirujuk ke hospital lain.

Akhir kata, terima kasih daun keladi kepada sidang redaksi yang telah bekerja keras dalam penghasilan buletin ini dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

Semoga coretan yang sederhana ini dapat member manfaat yang besar bagi kita semua. Mohon maaf di atas segala kekhilafan. Selamat membaca.

Salam hormat,

Dr.Khatrulnada Md Saad

Pakar Radiologi dan Ketua Jabatan

Jabatan Radiologi

Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HoSHAS)



RADIOBIOGRAFI



Jabatan Radiologi Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HoSHAS), Temerloh telah beroperasi mulai April 2005. Jabatan ini menawarkan perkhidmatan Radiografi Am (berkomputer dan digital), Radiografi Pergigian, IVU, Fluoroskopi Digital, Angiografi Digital, Ultrasound, Mammografi dan Stereotactic serta Computed Tomography (CT Scan) and Magnetic Resonance Imaging (MRI). Selain di jabatan, perkhidmatan radiologi juga ditawarkan di wad dan dewan bedah menggunakan modality x-ray mudah gerak digital (Direct Digital Mobile X-ray dan C-arm Image Intensifier).


Jabatan Radiologi HoSHAS yang diterajui oleh Dr. Khatrulnada Md Saad sebagai Ketua Jabatan sejak Mac 2015 kini dianggotai oleh seramai 56 kakitangan. Jabatan ini bersiap-siaga memberi perkhidmatan dengan ditunjangi oleh 5 orang Pakar Radiologi, 6 orang Pegawai Perubatan, 10 orang Juru X-ray Kanan Gred U44 hingga U32, seorang Pegawai Sains Fizik Gred U41, 24 orang Juru X-ray Gred U29, 2 orang Jururawat Terlatih Gred U29, 6 orang Pembantu Perawatan Kesihatan dan seorang Pembantu Tadbir Gred N19.



Wajah-wajah ceria kakitangan Jabatan Radiologi HoSHAS yang sentiasa bersedia untuk berkhidmat.
"KAMI SEDIA MEMBANTU"

JABATAN RADIOLOGI

HOSPITAL SULTAN HAJI AHMAD SHAH, TEMERLOH



n langsung
n tidak langsung

PERKHIDMATAN

Jenis Dan Waktu Perkhidmatan

Antara perkhidmatan yang dijalankan di Jabatan Radiologi Hospptal Sultan Haji Ahmad Shah ialah:

1. Pemeriksaan Radiografi Am: Radiografi Berkomputer (CR) & Radiografi Digital (DR).
2. Pemeriksaan Imbasan Tomografi Berkomputer (CT Scan).
3. Pemeriksaan Imbasan Magnetik Resonan (MRI Scan).
4. Pemeriksaan Mammografi
5. Pemeriksaan Ultrasound
6. Pemeriksaan Fluoroskopi
7. Pemeriksaan Radiografi 'Mobile' (Di Wad dan Zon Merah Jabatan Kecemasan)
8. C-Arm Image Intensifier (Di Dewan Bedah)
9. Perkhidmatan Digitizer (Memproses Image Konvensional kepada Image Digital)


Waktu Perkhidmatan adalah seperti berikut:

1. Isnin hingga Khamis (8.00 pagi - 5.00petang)
2. Sabtu, Ahad dan Hari Cuti Umum - Tutup
3. Perkhidmatan 24 Jam disediakan bagi prosedur kecemasan dan 'urgent'.



PENCAPAIAN

STATISTIK KESELURUHAN PEMERIKSAAN RADIOLOGI
BAGI TAHUN 2016 & 2017



Pencapaian Tahun 2016 dan 2017

Graf di atas merujuk kepada statistik keseluruhan pemeriksaan Radiologi yang dijalankan di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah Temerloh. Berdasarkan graf, jumlah kes yang telah dijalankan bagi semua modaliti pemeriksaan yang ditawarkan menunjukkan penurunan pada setengah tahun pertama tahun 2017. Hal ini kerana, perkhidmatan CT Scan telah dihentikan sementara bagi tujuan projek naik-taraf. Walaupun begitu, semasa projek dijalankan Jabatan Radiologi tetap mahu memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan khususnya bagi kes-kes kecemasan. Memandangkan keadaan geografi dan jarak perjalanan ke Hospital Tunku Ampuan Afzan Kuantan yang jauh, jabatan ini telah mengambil inisiatif dengan meminjam mesin CT Scan mudah alih jenis Siemens Neurologica dari Hospital Klang untuk menjalankan pemeriksaan CT scan bagi kes-kes kecemasan yang melibatkan scan bahagian otak. Penurunan bilangan kes juga berlaku untuk pemeriksaan MRI. Ini kerana, modaliti MRI yang telah digunakan lebih 10 tahun sering mengalami kerosakan teknikal yang menyebabkan kes-kes MRI terpaksa ditunda. Walaubagaimanapun, peningkatan mendadak pada suku kedua dicatatkan apabila perkhidmatan CT Scan kembali beroperasi setelah selesai projek naik-taraf. Bagi kes pemeriksaan ultrasound pula, peningkatan yang memberangsangkan juga dapat dicatatkan. Ini kerana pertambahan bilangan pegawai perubatan yang ditempatkan di Jabatan Radiologi menyumbang kepada pertambahan bilangan kes harian ultrasound. Ini sekaligus memendekkan tempoh tarikh temujanji dan masa menunggu pesakit di jabatan. Penurunan mendadak kes-kes IVU adalah kerana rujukan-rujukan kes berkaitan masalah buah pinggang lebih banyak memilih modaliti CT scan bagi tujuan diagnosis pesakit.

PEMERIKSAAN	2016	2017	PERATUSAN
Radiografi AM	70365	61537	-12.55%
CT Scan	5795	5758	-00.06%
MRI	731	570	-22.02%
Ultrasound	6773	7048	+04.06
Mammografi	519	461	-11.18%
Fluoroscopi	330	321	-02.72%
IVU	10	3	-70.00%
JUMLAH	84523	75698	

PROJEK NAIKTARAF CT SCANNER

Perkhidmatan Jabatan Radiologi Hospital Sultan Haji Ahmad Shah Temerloh telah mencatat sejarah baru di mana jabatan ini telah menerima peruntukan untuk menaik-taraf mesin Computed Tomography (CT Scanner) yang lama Model Siemens Somatom Emotion 6 kepada Siemens Somatom Scope Power (32-Slice Multi-Detector CT). Projek naik taraf ini mengambil masa sekitar 7 bulan untuk kerja-kerja pemasangan dan pengubahsuaian. Tapak projek telah diserahkan kepada pihak kontraktor pada 12 Oktober 2016 dan modaliti baru serta tapak projek telah diserahkan kembali kepada pihak hospital dan Jabatan Radiologi pada 19 Mei 2017.

Latihan aplikasi (aplication training in Somatom Scope & Syngo.via VB 10) yang pertama telah dijalankan pada 17 hingga 21 April 2017. Latihan ini telah dikendalikan oleh Weena Swatdiswane- Senior Application Specialist Siemens dari Filipina. Latihan aplikasi (Aplication training in Somatom Scope & Syngo.via VB 10) yang kedua telah dijalankan pada 02 Oktober 2017 hingga 06 Oktober 2017.



Kerja-kerja mengeluarkan unit Mesin CT Scanner Siemens Somatom Emotion 6

PROJEK NAIKTARAF CT SCANNER



CT Suite yang telah dinaik-taraf dan dilengkapi dengan CT Scanner Siemens Somatom Scope Power-32

AKTIVITI LATIHAN

KURSUS BASIC CT BRAIN INTERPRETATION

Peningkatan permintaan untuk menjalankan pemeriksaan CT terutama bagi kes-kes trauma melibatkan kepala semakin meningkat setiap tahun. Oleh hal yang demikian, Jabatan Radiologi Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HoSHAS) dengan kerjasama PGMHES telah menganjurkan kursus 'CT Brain Interpretation' bagi pegawai perubatan peringkat Pahang Tengah dan Barat. Dengan memfokuskan pegawai perubatan dan pegawai latihan siswazah sebagai kumpulan sasar, kursus tahunan ini dianjurkan untuk:

1. Menambah ilmu pengetahuan di kalangan pegawai-pegawai perubatan dengan pendedahan asas kepada CT Brain termasuk:


- Indikasi-indikasi dan justifikasi CT Brain
- Mengenalpasti normal CT Brain
- Mengenalpasti keadaan patologi strok, pendarahan otak (traumatic & non traumatic), odema otak dan sebagainya supaya rawatan yang segera dan tepat diberi kepada pesakit
- Perlindungan sinaran

2. Penganjuran kursus selaras dengan Pendidikan Perubatan Berterusan (CME)



AKTIVITI LATIHAN

KURSUS BASIC CT BRAIN INTERPRETATION



AKTIVITI LATIHAN

KURSUS BASIC ABDOMINAL ULTRASOUND

Jabatan Radiologi Hospital Sultan Haji Ahmad Shah telah menganjurkan Kursus Basic Abdominal Ultrasound pada 1 hingga 2 November 2016 serta pada 22 hingga 23 Julai 2017. Kursus ini dianjurkan bertujuan untuk memberi pendedahan tentang persediaan pesakit untuk menjalani pemeriksaan ultrasound serta teknik-teknik asas pemeriksaan ultrasound abdomen. Golongan sasaran untuk kursus elektif ini ialah para doktor pelatih dan Pegawai Perubatan dari Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Hospital dan klinik kerajaan sekitar Pahang Barat serta hospital dan klinik swasta yang menawarkan perkhidmatan ultrasound.

Pengimejan ultrasound (juga dikenali sebagai *sonography* atau *ultrasonography*) adalah teknik pengimejan yang menggunakan gelombang bunyi untuk menghasilkan imej. Ia melibatkan penggunaan transduser kecil (juga dipanggil sebagai *probe*) untuk menghantar gelombang bunyi ke dalam badan dan menerima isyarat echo yang dipantulkan bagi membolehkan imej dihasilkan. Tidak seperti pengimejan sinar-X atau imbasan Ct yang menggunakan sinaran mengion dalam penghasilan imej. Selain itu, *Doppler ultrasound* iaitu kaedah khas ultrasound antaranya bertujuan untuk melihat aliran darah di dalam saluran darah pesakit.



AKTIVITI LATIHAN

KURSUS BASIC ABDOMINAL ULTRASOUND



AKTIVITI LATIHAN

KURSUS RADIOGRAPHY UPDATES

Jabatan Radiologi Hospital Sultan Haji Ahmad Shah telah menganjurkan Kursus 'Radiography Updates' bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan Juru X-ray berkaitan cara pengendalian yang betul semasa menjalankan pemeriksaan x-ray kepada pesakit. Objektif kursus yang memfokuskan kepada Juru X-Ray di Negeri Pahang sebagai golongan sasaran adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman yang jelas kepada Juru X-ray berkenaan aspek perlindungan sinaran yang perlu diambil kira semasa mengendalikan pemeriksaan ke atas pesakit.

Kursus ini dianjurkan setiap tahun dengan tema berbeza supaya peserta kursus dapat menambah ilmu secara kolektif berkaitan penambahbaikan dari segi teknik, perlindungan sinaran dan kualiti imej yang dihasilkan. Kursus Radiography Update yang dianjurkan pada tahun 2016 bertemakan Trauma Radiography manakala kursus pada tahun 2017 bertemakan Pediatric Imaging.



AKTIVITI LATIHAN

KURSUS RADIOGRAPHY UPDATES



AKTIVITI LATIHAN

KURSUS RADIATION PROTECTION

Pendidikan Perubatan Berterusan (Continous Medical Education) adalah merupakan salah satu faktor yang penting untuk memastikan anggota Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa meningkatkan pengetahuan mereka. Oleh itu, Jabatan Radiologi Hospital Sultan Haji Ahmad Shah telah menganjurkan Kursus Perlindungan Sinaran pada 26 Mei 2016 bertemakan “Back To Basics” serta pada 09 Mac 2017 bertemakan “Teknologi dan Keselamatan”.

Selain di jabatan radiologi, perkhidmatan x-ray juga dilakukan di wad, jabatan kecemasan serta di dewan bedah. Pengetahuan berkenaan perlindungan sinaran adalah penting kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak semasa perkhidmatan x-ray dilakukan. Ini dapat memastikan suasana kerja yang selamat dan cekap terhasil apabila semua pihak memahami peranan dan tugas masing-masing. Kursus ini juga adalah satu pematuhan keatas Akta Perlesenan Tenaga Atom dan juga sebagai memenuhi kehendak “Malaysian Accreditation Hospital Standard “ 4th Edition.



AKTIVITI LATIHAN

KURSUS RADIATION PROTECTION



INTERNATIONAL DAY OF RADIOLOGY

Pada tanggal 8 November sambutan International Day of Radiology (IDOR) akan disambut di seluruh dunia. Bagi Jabatan Radiologi HoSHAS, sambutan IDOR julung kali diadakan pada tahun 2016.

Sambutan yang bertemakan 'Breast Imaging' telah diadakan di lobi hospital. Tujuan sambutan adalah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada orang awam terutama dikalangan wanita mengenai bagaimana risiko kanser payu dara dapat dicegah dan dikesan dengan lebih awal menggunakan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di Jabatan Radiologi. Orang ramai dapat bertanya soalan secara terus kepada Juru X-Ray dan Pegawai Perubatan serta Pakar Radiologi yang mengendalikan pemeriksaan-pemeriksaan tersebut.

Bagi tahun 2017 pula, tema sambutan ialah 'Emergency Radiology'. Sambutan IDOR kali kedua yang dikendalikan oleh Jabatan Radiologi HoSHAS ini memberi pendedahan kepada kakitangan hospital dan orang awam berkaitan kepentingan dan penglibatan Jabatan Radiologi dalam mengendalikan kes-kes kecemasan dan trauma.

Secara umum, sambutan IDOR yang diadakan setiap tahun adalah bertujuan untuk menyalurkan maklumat berkaitan perkhidmatan-perkhidmatan dan modaliti radiologi yang disediakan di Jabatan Radiologi.



Barisan jawatankuasa IDOR 2016



Barisan jawatankuasa IDOR 2017

INTERNATIONAL DAY OF RADIOLOGY



LAWATAN KUNJUNGAN EKSA



Lawatan EKSA dari Hospital Selama, Perak ke Jabatan Radiologi HoSHAS pada 25 Julai 2016.



LAWATAN KUNJUNGAN EKSA



Lawatan EKSA dari Hospital pada 30 Mac 2016

HARI KELUARGA



Sambutan Hari keluarga Jabatan Radiologi telah diadakan pada 22 Oktober 2016 bertempat di kolam tahfiz Berhala Gantang, Temerloh. Program berlangsung seawal jam 7 pagi hingga tengahari. Program yang bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturrahim di kalangan anggota dan ahli keluarga jabatan ini mencapai objektifnya dengan menyertai pelbagai aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Program bermula dengan pendaftaran peserta dan sarapan pagi. Acara sukaneka dimulakan setelah selesai majlis pembukaan dan kata aluan dari ketua jabatan. Antara aktiviti yang diadakan adalah tarik tali, gusti lengan, isi air dalam botol, congkak dan tiup belon bagi kanak-kanak.

Acara cabutan bertuah dan penyampaian cenderahati yang disumbangkan oleh Dr Khatrulnada. Majlis bersurai pada pukul 12 tengahari dan diakhiri dengan majlis penyampaian hadiah sukaneka. Peserta meneruskan aktiviti keluarga masing-masing di pusat rekreasi kolam tahfiz berkenaan.



HARI KELUARGA



RADIOLOGY FC



Kejohanan Futsal Radiologi Malaysia edisi 6/2016



Kejohanan Futsal Radiologi Malaysia edisi 7/2017

Pasukan futsal Jabatan Radiologi HoSHAS yang lebih gah dikenali sebagai Radiologi Futsal FC sangat aktif menyahut cabaran dan menyertai pertandingan-pertandingan futsal yang diadakan diperingkat dalaman hospital hingga ke peringkat kebangsaan. Pada 21 Oktober 2017, pasukan ini telah mencatat sejarah peribadi jabatan apabila berjaya mendapat tempat kedua dalam Kejohanan Futsal Piala Ketua Profesion Juru X-ray edisi 2017 yang diadakan di KSL Sri Gombak. Pada 4/11/2017, sekali lagi pasukan futsal membawa kejayaan dalam percubaan pertama mereka menyertai Kejohanan Futsal anjuran Jabatan Kesihatan Negeri Pahang bagi tahun 2017, apabila mereka mendapat tempat ke-empat secara keseluruhan.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, Jabatan Radiologi HoSHAS tidak melepaskan peluang untuk menghantar wakil bagi menyertai kejohanan futsal radiologi Malaysia edisi 6/2016 dan edisi 7/2017. Dua pasukan telah dihantar bertanding untuk merebut tempat pertama dan piala pusingan. Pada kejohanan edisi 6/2016 yang diadakan di Negeri Perlis, pasukan B telah berjaya merangkul tempat kedua bagi Divisyen B, manakala satu lagi pasukan hanya melayakkan diri ke suku akhir. Perjuangan kedua-dua pasukan yang mewakili jabatan pada kejohanan edisi 7/2017 yang diadakan di KB futsal arena Kelantan juga terhenti di pusingan suku akhir. Namun begitu, semangat ahli pasukan tidak pernah luntur dan mereka akan terus berusaha memberi saingan hebat setiap kali menyertai pertandingan.



RADIOLOGY FC



AIDILFITRI 2016



AIDILFITRI 2017



PROGRAM DERMA DARAH



Anggota Jabatan Radiologi melibatkan diri dalam Program Derma Darah anjuran Pusat Tabung Darah HoSHAS pada 16 Januari 2016

PERTANDINGAN MENU SIHAT



Jabatan Dietetik & Sajian HoSHAS telah menganjurkan Pertandingan Menu Sihat pada 08 April 2016 sempena Bulan Pemakanan 2016. JPD HoSHAS telah menghantar dua kumpulan untuk mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut. Kedua-dua kumpulan telah mengharumkan nama JPD dengan memenangi Tempat Pertama (Juru X-Ray, Pn. Ramlah dan Pembantu Perawatan Kesihatan, (Pn. Roslina) dan hadiah saguhati telah dimenangi oleh kumpulan kedua (Pakar Radiologi, Dr. Huzaimah & Pegawai Perubatan (Dr. Hayati)

WORLD HAND HYGIENE DAY



Penglibatan kakitangan Jabatan Radiologi dalam Pertandingan Persembahan Hand Hygiene sempena World Hand Hygiene Day pada 16 Mei 2016

JASAMU DIKENANG



Jamuan perpisahan pada Mei 2017 meraikan Pakar Radiologi Dr Huzaimah Ahmad yang bertukar keluar.



Jamuan perpisahan pada Mei 2016 meraikan Pakar Radiologi Dr Noor Azizah AB Rahman yang bertukar keluar.

JASAMU DIKENANG



Jamuan perpisahan pada Mei 2016 merayakan Pegawai Perubatan Dr Norhayati Munirah Miskandar yang menyambung pelajaran di peringkat Sarjana.



Jamuan perpisahan pada Mei 2017 merayakan Pegawai Perubatan Dr Ng Chee Guan yang menyambung pelajaran di peringkat Sarjana.



Jamuan perpisahan merayakan Juru X-Ray (Diagnostik) Gred U29 Mohd Iszafiq Zarith yang bertukar keluar.

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT	: Dr. Khatrulnada Md Saad
KETUA EDITOR	: Nurul Saadiah Shamsuddin
EDITOR	: Nur Arif Che Mat @ Ibrahim Nurul Ain Razali
BENDAHARI	: Nurul Ain Mohd Shamsuddin
GRAFIK	: Muhammad Ramdan M. Nor Chua Soo Hong
AHLI JAWATANKUASA	: Khairil Azzat Azizan Jasrizal Hassan

